

Soalan Lazim - Bantuan Tunai RM5,000

1) Apakah kelayakan untuk mendapatkan Bantuan Tunai sebanyak RM5,000 ini?

Pelanggan hanya layak untuk Bantuan Tunai ini apabila didiagnosis dengan Covid-19.

2) Apakah terma-terma dan syarat-syarat untuk kelayakan ini?

- Anda mestilah seorang pelanggan individu Etiqa Life Insurance Berhad atau Etiqa Family Takaful Berhad (tidak termasuk pelanggan berkumpulan).
- Pelan anda mestilah berkuatkuasa, aktif dan tidak mempunyai masalah (iaitu tiada bayaran premium/sumbangan yang tertunggak) ketika anda didiagnosis dan ketika penyerahan tuntutan.

3) Adakah ini hanya bagi pelanggan yang memiliki pelan Perubatan?

Berita baiknya ialah pelepasan ini terbuka untuk mana-mana dan semua pelanggan individu (tidak termasuk pelanggan berkumpulan), tanpa mengira jenis pelan yang anda miliki dengan Etiqa Life Insurance Berhad atau Etiqa Family Takaful Berhad.

4) Bilakah tawaran Bantuan Tunai ini akan tamat?

Buat masa ini ia akan tamat pada 31 Disember 2020. Walau bagaimanapun, Etiqa berhak untuk menukar, melanjutkan atau menarik balik tawaran ini pada bila-bila masa tanpa notis.

5) Bolehkah saya menuntut lebih daripada sekali walaupun saya mempunyai lebih daripada 1 pelan Etiqa Life Insurance Berhad atau Etiqa Family Takaful Berhad?

Tidak. Pelepasan ini adalah terhad untuk satu kali bagi setiap individu.

6) Berapa banyak tuntutan yang saya layak jika saya memiliki 4 pelan individu untuk 4 ahli keluarga saya?

Pelepasan tunai adalah RM5,000 bagi individu yang didiagnosis. Namun jika berlaku kejadian yang tidak diingini, seperti lebih daripada satu ahli keluarga yang dilindungi didiagnosis, setiap seorang didiagnosis akan menerima RM5,000.

7) Bagaimanakah cara untuk saya menuntut Bantuan ini?

Apa yang anda perlu lakukan adalah menghubungi kami melalui Livechat di www.eti.qa/livechat atau email di info@etiqa.com.my; dan sertakan dokumen rasmi dari pihak hospital yang mengesahkan anda didiagnosis Covid-19 bersama-sama dengan kad pengenalan diri & butiran akaun bank anda. Kami dengan berbesar hati akan memproses pembayaran tuntutan sebanyak RM5,000 kepada anda.

8) Sebaik sahaja saya menuntut bantuan ini, adakah ia akan mengurangkan jumlah manfaat perlindungan pelan saya?

Pelepasan tunai ini adalah manfaat istimewa / tambahan yang kami sediakan kepada pelanggan individu Etiqa Life Insurance Berhad dan Etiqa Family Takaful Berhad (tidak termasuk pelanggan berkumpulan). Oleh itu, manfaat pelan anda yang sedia ada tidak akan terjejas dan tidak berubah.

** Nota untuk semua soalan di atas:*

- *Tertakluk kepada kelulusan dari Etiqa.*
- *Walaupun pengecualian telah dibuat untuk terma kami bagi kemudahan perlindungan semasa wabak Covid-19, semua terma-terma & syarat-syarat untuk pelan lain adalah kekal.*
- *Etiqa berhak untuk menukar, melanjutkan atau menarik balik tawaran pengecualian ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis untuk menyokong ke arah tuju dinamik bagi pihak berkepentingan sepanjang tempoh ini (seperti Kerajaan, BNM, Badan Industri, Pihak Berkuasa Kesihatan & Masyarakat secara keseluruhannya).*